

TEKS UCAPAN

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP

PESTA KONVOKESYEN KE-4 UNIMAP

PADA 16 OGOS 2009

DI PERKARANGAN STADIUM UTAMA KANGAR

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia

Yang Berbahagia, Prof. Dr Mohd Fauzi Hj Ramli, Pengarah
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Jabatan
Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,
wakil Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Warga Perlis dan para mahasiswa UniMAP yang dikasih sekalian.

Selamat petang, Good Evening, Wan Aun, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Ladies and Gentlemen,

This is my great honor to have all of you here tonight. Thank you for being here and I do hope that you will get the maximum excitement from the performances tonight. That is my promise to you and please stay with us till the end of ceremony because there will be more enjoyment performance coming up next.

Today is the last day for our convocation festival organized by Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP. For your information, this is the only program that full conducted by students. And to be honest, I am very impress with the positive impact that you bring to our society. Please give a big round applause to all our students. Thanks also to all society who gave full support during our program here. I do hope this support will continual as year goes by. Thank you.

**Seindah bahasa jiwa gurindam,
Nyanyian girang mengusik hati,
Hatiku gembira menguntum senyum,
Melihat anda beramai di sini.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada malam ini di majlis perasmian penutup Pesta Konvokesyen Ke-4 UniMAP. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang telah sudi hadir ke majlis ini terutama wakil Menteri Pengajian Tinggi.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada para graduan UniMAP yang telah menamatkan pengajian dan menerima ijazah pada Istiadat Konvokesyen tadi setelah bertukus lumus menimba ilmu selama empat tahun berada di UniMAP.

Harapan saya, agar para graduan dapat menggunakan segala ilmu yang diperolehi di sini dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan membangunkan negara.

Hadirin Sekalian,

Dewasa ini, pelbagai peristiwa hitam telah melanda negara kita, dan kebanyakkan peristiwa ini berlaku melibatkan golongan cerdik pandai yang terdiri daripada graduan-graduan yang dilahirkan oleh IPT di dunia.

Saya kira, kejadian pengeboman Bali pada tahun 2002 adalah yang terburuk kerana melibatkan banyak kematian, yang rata-ratanya warga asing.

Agak menyedihkan kerana dua rakyat Malaysia, yang merupakan graduan IPT dan mempunyai ilmu tidak menggunakannya untuk tujuan kebaikan, sebaliknya menggunakannya untuk keganasan dan kemusnahan.

Perkara ini amat merugikan negara sama sekali, kerana pengetahuan yang dimiliki mereka sepatutnya digunakan untuk kebaikan bersama.

Mahasiswa tidak seharusnya menyalahgunakan pengetahuan mereka untuk memecah belahkan masyarakat kerana ini boleh menyebabkan kemusnahan kepada negara.

Tugas kita sebagai seorang manusia untuk mencapai kejayaan adalah dengan meningkatkan nilai tambah kepada diri sendiri dengan menambah ilmu pengetahuan untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Saya percaya, graduan-graduan UniMAP tidak akan sama sekali terlibat dengan perkara-perkara yang boleh membawa kepada kekacauan kerana mereka ini telah dididik untuk

berkhidmat kepada masyarakat. Dan inilah sebenarnya harapan saya untuk anda semua.

Hadirin dan hadirat sekalian

Sesungguhnya, saya amat berbangga dengan pelajar-pelajar UniMAP apabila berjaya menguruskan penganjuran satu Festival / acara yang begitu gilang gemilang sempena Konvokesyen UniMAP pada tahun ini.

Apatah lagi anda semua tidak mempunyai pengalaman langsung dalam mengendalikan acara seperti ini, tetapi dengan tekad dan semangat untuk belajar segala cabaran berjaya ditempuh dan lihatlah buktinya, FESTIVAL KONVOKESYEN UniMAP dianjurkan dengan jayanya.

Alhamdulillah, kejayaan anda semua ini menterjemahkan hasrat dan misi UniMAP selama ini iaitu melahirkan graduan yang bukan sekadar cemerlang dari aspek pendidikan tetapi juga sahsiah diri. Syabas dan Terima kasih atas komitmen jitu anda semua.

Semoga, kejayaan ini akan menjadi satu contoh teladan yang baik untuk “para junior” UniMAP. Pelajarilah seberapa banyak ilmu dari “senior-senior” anda kerana pada tahun hadapan, amanah ini akan dipikul oleh anda pula. Kerana inilah tradisi

UniMAP, memberikan kepercayaan penuh kepada pelajar untuk mengendalikan program Festival Konvokesyen.

Hadirin sekalian,

Kita tinggalkan seketika kemeriahinan konvokesyen. Kurang seminggu lagi, kita semua akan menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mana semua Umat Islam akan mula menjalani ibadat puasa.

Ibadah puasa yang dilaksanakan dengan sempurna selama sebulan mampu mengembalikan manusia kepada fitrah kejadiannya. Berdasarkan kelebihan puasa ini, maka Allah SWT turut mewajibkan umat Islam yang terdahulu untuk berpuasa.

Bulan Ramadhan dikurniakan dengan banyak keistimewaan yang luar biasa. Antaranya ialah pintu syurga akan terbuka dengan luasnya. Manakala pintu neraka akan tertutup serapat-rapatnya dan para syaitan akan diikat dan dirantai. Permulaannya rahmat, pertengahannya keampunan dan akhirnya kebebasan daripada api neraka.

Ini menunjukkan bahawa punca-punca amal kebaikan dibulan Ramadan adalah terlalu banyak. Manakala

rangsangan maksiat dan kejahatan adalah kurang dan terbatas.

Sempena dengan kedatangan Ramadan yang berkat ini, saya ingin menyeru anda semua agar dapat mengambil peluang untuk mendidik nafsu dan membersihkan jiwa daripada kekotoran dan dosa agar keluarga dan anak-anak kita istiqamah melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan tegahan-Nya.

Bersamalah kita meningkatkan azam untuk menjadikan Ramadan kali ini sebagai medan mempertingkatkan kualiti modal insan dan kuantiti ibadah kita kepada Allah SWT.

Hadirin sekalian,

Dalam tempoh kita menjalani ibadah puasa juga, seluruh rakyat Malaysia akan merayakan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-52 tahun.

Meskipun dalam keadaan berpuasa, saya tetap ingin menyeru anda semua agar menghayati erti dan maksud kemerdekaan yang sebenar-benarnya dan kembali kepada konsep asa perpaduan yang menjadi teras kemerdekaan negara 52 tahun yang lampau.

Dengan tema pada tahun ini “**1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN**” membuktikan kerajaan tidak pernah membezakan taraf atau status sesuatu kaum, tetapi layanan diberi sama rata.

Kita sebagai bangsa Malaysia perlu mengakui, bahawa semua kejayaan yang kita kecapi selama kini adalah disebabkan kesinambungan muafakat antara kaum yang wujud di negara kita.

Kejayaan ini perlulah dihayati dan paling penting dipertahankan oleh seluruh rakyat Malaysia, khususnya generasi selepas merdeka.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, Malaysia telah berjaya dalam empat peringkat atau tahap penting. Pada awal kemerdekaan dahulu ada sesetengah pihak meramalkan bahawa Malaysia tidak akan kekal sebagai sebuah negara, sebaliknya mungkin jatuh dalam keadaan porak peranda kerana hubungan antara kaum akan menjadi masalah besar bagi negara ini.

Mereka juga meramalkan bahawa kita tidak mungkin berjaya memimpin negara ke arah kemajuan yang begitu besar. Namun, pada hari ini kita telah membuktikan segala pendapat tersebut tidak tepat sama sekali.

Hadirin Sekalian,

Usaha mewarna dan mencorak masa hadapan negara terletak pada iltizam dan kesungguhan warga. Warga muda perlu diperlengkapkan untuk berupaya meneruskan perjuangan. Di bahu warga muda akan kita letakkan harapan agar negara terus bersatu - terus berpadu. Di bahu warga muda akan kita galaskan amanah agar negara terus makmur - terus sejahtera. Kepada mereka akan kita wariskan tanggungjawab untuk terus memajukan negara.

Tuhan melimpahkan bumi ini dengan kekayaan dan pelbagai peluang. Warga muda terutamanya mahasiswa UniMAP wajib merebut peluang yang terbentang luas dengan membina keupayaan dan mencipta kejayaan lebih cemerlang.

Kemerdekaan negara diperjuangkan secara bersama oleh warga Malaysia pelbagai kaum. Kejayaan Malaysia telah dibina atas usaha bersama.

Negara Malaysia akan terus dibangunkan secara bersama dalam semangat yang tidak membenarkan berlakunya tafsiran sempit dari segi identiti warga, tidak membenarkan berlakunya amalan ekstremisme agama, tidak mengizinkan berlaku ketidakadilan di kalangan warga dan tidak

mengizinkan tercetusnya sebarang kebimbangan terhadap jaminan masa hadapan mana-mana warga.

Bumi dan langit Malaysia adalah tempat bertapak – tempat berteduh setiap warga Malaysia, Bumi dan langit Malaysia menjanjikan tapak kukuh dan langit cerah untuk setiap warga dapat hidup bersatu penuh muafakat.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak sekretariat kerana telah berjaya menganjurkan program ini tanpa sebarang halangan. Semoga usaha dan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.